

Bil. S 62

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH AKTA IKHTISAS PEGUAM (PINDAAN), 2001

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Ikhtisas Peguam (Pindaan), 2001.

Pindaan bab 2 Penggal 132.

2. Bab 2 dari Akta Ikhtisas Peguam (Penggal 132), dalam Perintah ini disebut sebagai Akta, adalah dipinda, dalam takrifan "pegawai undang-undang", dengan menambah "atau mana-mana orang yang berkekelayakan yang diupah oleh atau yang tampil dalam sebarang kes (sebagaimana yang ditakrifkan dalam ceraiian (6) bab 7) atas arahan-arahan Kerajaan."

Pindaan bab 17.

3. Bab 17 dari Akta tersebut adalah dipinda dengan memansuhkan ceraiian (2) dan menggantikannya dengan yang berikut —

"(2) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun yang terkandung dalam Akta ini, orang-orang yang berikut hendaklah dianggap sebagai peguambela dan peguamcara —

(a) mana-mana orang yang memegang jawatan Peguam Negara, Peguamcara Negara, Timbalan Pendakwa Raya atau mana-mana jawatan lain yang diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* sebagai jawatan yang dikenakan ceraiian ini, selagi dia terus menyandang jawatan tersebut; dan

(b) mana-mana orang yang berkekelayakan yang diupah oleh atau yang tampil dalam sebarang kes (sebagaimana yang ditakrifkan dalam ceraiian (6) bab 7) atas arahan-arahan Kerajaan."

Diperbuat pada hari ini 9 haribulan Jamadilakhir, Tahun Hijrah 1422 bersamaan dengan 28 haribulan Ogos, 2001 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM